

SALAH TANGGAP KESIHATAN

SHAHRUL AMRI AB WAHAB

FAKULTI PENGURUSAN DAN
PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS
REMAU

Artikel ini saya tulis pada 8 April 2021, sehari selepas ‘sambutan’ *Hari Kesihatan Dunia* semalam (tidak pasti sama ada ianya benar-benar disambut secara rasmi atau berlalu seperti hari-hari biasa sahaja, kerana para petugas kesihatan dilihat bertugas seperti biasa tanpa ada perasaan lebih gembira berbanding hari-hari lain). Sejujurnya saya sendiri sering alpa dan terlupa dengan kewujudan Hari Kesihatan Dunia ini, meskipun sudah 71 tahun ianya dianjurkan. Bagi menebus kealpaan berulang di atas, saya dengan rendah hati ingin menyumbang sedikit ilmu perubatan yang ada pada saya walaupun saya sedar saya tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang berkaitan di peringkat tertiar. Namun beberapa orang kenalan yang bertugas sebagai doktor perubatan memperakui bahawa kadar literasi perubatan saya adalah melebihi kadar purata kebangsaan. Maka saya yakin apa yang saya akan kongsi selepas ini adalah boleh dipercayai dan benar.

Salah tanggap popular pertama adalah berkaitan ubat tahan sakit di bawah kategori parasetamol (lebih biasa dipanggil Panadol, walaupun Panadol itu sebenarnya nama jenama). Ramai beranggapan ianya boleh menyembuhkan sakit, khususnya demam. Hakikatnya, parasetamol serta ubat tahan sakit lain hanya ‘menyembunyikan’ rasa sakit atau demam yang dialami, bukannya menyembuhkan dari puncanya. Kerana itu apabila luput masanya, anda kembali demam/sakit sekiranya punca kepada demam/sakit anda itu masih belum hilang.

Adakah anda beranggapan bahawa ‘rubella’ adalah penyakit orang perempuan? Maaf, anggapan anda salah. Nama lain bagi rubella ialah German measles (campak Jerman?) dan ianya boleh menjangkiti lelaki mahupun

perempuan. Eh, tapi kenapa perempuan saja yang kena suntik vaksin rubella? Jawapannya kerana rubella boleh menyebabkan kecacatan janin sekiranya seseorang dijangkiti semasa mengandung, dan semestinya lelaki seperti saya mahupun Sajat tidak mungkin akan hamil sampai bila-bila.

Seterusnya HIV dan AIDS. Ramai yang percaya bahawa ‘HIV positif’ dan ‘AIDS’ merupakan perkara yang sama. Sekali lagi ramai yang tersilap. Seseorang yang positif HIV tidak semestinya mempunyai penyakit AIDS, tetapi seseorang yang mempunyai penyakit AIDS, sudah pasti positif HIV (latihan: sila lukis gambarajah Venn yang menunjukkan AIDS merupakan subset kepada HIV positif). Seseorang yang positif HIV bermakna terdapat virus HIV dalam badannya, manakala seseorang yang terkena AIDS pula bermakna jangkitan HIV tadi telah menyebabkan daya tahan sakit badannya menurun ke tahap yang sangat rendah (kiraan CD4 kurang 200), ataupun mendapat penyakit-penyakit yang disenaraikan di bawah ‘penyakit yang metakrifkan AIDS’ (yang mana kebanyakan penyakit ini biasanya tidak dideritai oleh orang sihat, seperti jangkitan paru-paru berulang). Jika anda keliru, sila kaitkan dengan jangkitan COVID-19 yang mana ada individu positif tapi tiada simptom, tetapi ada pula yang positif tetapi mengalami simptom yang teruk.

Akhir sekali ialah penyakit kancing gigi atau tetanus yang dipercayai berpunca daripada luka terkena besi karat. Jangan salahkan besi karat tersebut, penyakit tersebut bukannya disebabkan besi karat (*ferum oksida*), tetapi disebabkan oleh bakteria *clostridium tetani* yang mungkin terdapat pada besi tersebut. Bahkan, bakteria penyebab tetanus ini boleh wujud di mana-mana serta menjangkiti mana-mana luka, walaupun luka tersebut bukan akibat terkena besi karat.

Semoga sedikit perkongsian di atas dapat memberikan manfaat kepada para pembaca dan menambahkan kadar literasi perubatan kita semua. Sebagai penutup, saya sudahi dengan cogan kata sekolah menengah saya dahulu: ‘Berilmu untuk Berjasa’.